



PERANAN MASJID DAN SURAU DALAM PELANCONGAN ISLAM DI KUALA TERENGGANU

Noorhafizah Binti Abdul Hadi, Nur Iffah Bt Sabry, Rahmah Hayati Binti Rushaidi, Nurul Iffa Shafikha
Binti Norul Affendi & Wan Mohd Yusof Bin Wan Chik
liyanahamid11@gmail.com

Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

ABSTRAK

Pengenalan: Masjid dan surau adalah rumah Allah yang didirikan bukan sahaja sebagai tempat ibadah. Ia juga suatu institusi setempat yang sentiasa dikunjungi oleh masyarakat setempat dan pengunjung luar. Para pelancong kerap kali singgah di kedua-dua institusi ini sama ada untuk beribadah, berehat, mendapatkan maklumat, berkenalan dan lain-lain. Aspek hospitaliti yang disediakan memainkan peranan penting dalam sektor pelancongan di sesuatu kawasan. **Objektif:** Justeru kajian ini bertujuan menjelaskan kepentingan kedua-dua institusi dalam sektor pelancongan, khasnya di Kuala Terengganu. **Metodologi:** Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini berdasarkan maklumat kajian kepustakaan dan pemerhatian di masjid UniSZA. **Dapatan:** Dapatan kajian menunjukkan institusi masjid dan surau sememangnya menjadi institusi sosial yang penting dalam sektor pelancongan. Ini merujuk kepada pelbagai perkhidmatan yang disediakan kepada masyarakat setempat, apatah lagi pelancong. Begitu pun masih banyak aspek hospitaliti dan khidmat yang perlu dilakukan penambahbaikan. Lebih menarik lagi, kajian mendapati institusi surau dan masjid di Kuala Terengganu turut memainkan peranan dalam satu kategori pelancongan penting, iaitu melibatkan pelancongan ilmu. **Kesimpulan:** Pengurusan masjid dan surau negeri Kuala Terengganu perlu lebih proaktif melakukan penambahbaikan demi membantu sektor pelancongan negeri sekaligus menyumbang kepada kepesatan dakwah secara umum.

Kata kunci: Pelancongan Islam, Hospitaliti, Masjid dan Surau, Institusi Sosial, Pengurusan Masjid

PENGENALAN

Pada hari ini, aspek kehidupan umat manusia memerlukan kepada keselarasan dengan era globalisasi yang meminta perubahan tinggi dan bersifat proaktif. Oleh sebab itu, institusi masjid dan surau juga tidak terkecuali dilihat perlu berubah dalam arus permodenan ini agar tidak ketinggalan daripada kehendak zaman tanpa mengubah kerangka asalnya sebagai tempat untuk ibadat solat secara berjemaah.

Masjid dan surau bukan lagi suatu yang asing bagi umat Islam, kerana setiap saat orang Islam selalu mengunjunginya, sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu bagi kaum

muslimin khususnya pada hari Jumaat. Asas pembinaan masjid sebagai tempat umat Islam berhimpun menunaikan solat berjemaah, bermusyawarah, mempelajari al-Quran, berzikir kepada Allah S.W.T dan mengadakan majlis-majlis ilmu. Surau juga seperti masjid dimana ianya diwakafkan untuk kegunaan masyarakat awam, tetapi perbezaannya dengan masjid ialah di surau tidak didirikan syiar solat Jumaat, akan tetapi ianya didirikan di tempat yang digelar sebagai "masjid" ¹.

Mutakhir ini masjid dan surau menjadi medium dalam pelancongan Islam yang menjadi perhatian meluas. Bukan sahaja keindahan seni bina dan hiasan dalaman menjadi tarikan bahkan program-program ilmu yang dianjurkan juga merupakan salah satu daripada produk dengan nilai tarikan yang menjadi tumpuan pelancong asing sama ada dalam negara atau luar negara.

Sebagai sebuah destinasi pelancongan Islam, Malaysia sangat bertuah kerana mempunyai banyak masjid dan surau menganjurkan kelas-kelas talaqqi, daurah, kursus ibadat seperti kursus Haji Cilik, Kursus Pengurusan Jenazah, kursus Sembelihan dan sebagainya di mana aktiviti ini menjadi tempat pelancongan ilmu kepada semua penuntut ilmu dari setiap pelusuk negara.

Pelancongan ilmu di Malaysia semakin popular dan mula mendapat perhatian daripada para pelajar antarabangsa. Ia dapat dilihat melalui peningkatan bilangan pelajar asing yang menyambung pengajian di pelbagai IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di negara ini. Kajian telah dijalankan di Masjid UniSZA, Kuala Terengganu kerana merupakan salah satu masjid yang sentiasa hidup dengan taman-taman ilmu dan dikenali sebagai masjid universiti. Masjid ini diketuai oleh Pusat Islam dan sentiasa dipenuhi oleh pensyarah-pensyarah, mahasiswa mahasiswi serta dilihat ramai pelajar antarabangsa yang mengimarahkan masjid tersebut.

Contohnya, setiap hari masjid UniSZA mengadakan kuliah maghrib dan pada hujung minggu ada pembacaan kitab dan program program yang bersifat keagamaan lain yang mempunyai peminatnya yang tersendiri dari setiap pelusuk dunia. Persoalannya,

¹ Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Kit Mudah: Memperkasakan Pengurusan Masjid, Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd, 2015, h. 7

apakah peranan pengurusan masjid dan surau sebagai pusat pelancongan di Kuala Terengganu selari dengan Syariah Islam dan apakah peranan masjid dan surau dalam memperkasakan institusi pelancongan di Kuala Terengganu. Objektif kajian ini adalah mengetahui peranan masjid dan surau sebagai pusat pelancongan Islam di Kuala Terengganu. Selain itu, untuk mengenalpasti peranan masjid dan surau dalam memperkasakan institusi pelancongan di Kuala Terengganu.

LITERATUR

Dalam kajian Abdul Munir Ismail bertajuk *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*, antara hasil kajian beliau mendapati bahawa pihak pengurusan dan pentadbiran masjid hendaklah memastikan bahawa masjid berkeupayaan membentuk organisasi yang tersusun, kebolehan menyusun kegiatan pengimarahannya yang menarik minat masyarakat untuk menyertainya, kecekapan dan ketepatan mengendalikan program masjid, serta kemampuan mencapai keberkesanan yang maksimum yang boleh meningkatkan imej masjid. Pada asasnya, jawatan utama di masjid adalah imam, bilal dan siak. Namun jawatan tersebut perlu ditambah dari semasa ke semasa kerana perluasan kawasan masjid dan bilangan jemaah masjid meningkat.²

Dalam kajian Abdul Munir Ismail bertajuk *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*, antara hasil kajian beliau bahawa masjid merupakan institusi penting yang tidak boleh dipisahkan dalam masyarakat. Sistem pengurusan dan pentadbiran masjid yang cekap, professional, komited dengan perancangan, mesra pelanggan, berdaya saing dalam mencapai objektif, memahami kehendak semasa (pelanggan), bersungguh-sungguh dalam pelaksanaan program masjid adalah antara sifat-sifat terpuji yang harus dimiliki oleh para pengurus, pentadbir dan petugas masjid.

Dalam kajian Mohd Yusuf Din dan Azhana Abdul Mutalib bertajuk *Pemantapan Institusi Masjid Wasilah Kearah Kecemerlangan Umat*, antara hasil kajian beliau adalah masjid merupakan satu-satunya institusi utama kepada umat Islam. Pembangunan masjid dapat memastikan kelangsungan pembangunan masyarakat setempat namun demikian, masjid tidak dapat dibangunkan dengan jayanya sekiranya pimpinan masjid tidak berautoriti dan berwibawa untuk membangunkan masjid. Pengarang menyatakan

² Abdul Munir Ismail, *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012, h.159

bahawa janganlah kita menunggu sehingga masjid menjadi muzium atau tempat lawatan pelancongan yang cantik, indah dan mempersonakan, tetapi hanya menjadi kenangan keagungan umat islam.³

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan Perpustakaan

Kajian kepustakaan dilakukan ialah untuk melihat sejauh mana pengkaji-pengkaji terdahulu telah melakukan penyelidikan melalui kajian kepustakaan data-data boleh diperoleh melalui buku, kertas kerja, laporan bertulis dan lain-lain sumber yang dapat memberi keterangan di dalam mendapatkan bahan dan maklumat yang tepat berhubung dengan tajuk kajian. Hasil daripada analisis dan penelitian tersebut, data-data serta maklumat akan diolah bersesuaian dengan kehendak matlamat kajian. Kajian kepustakaan juga adalah bertujuan untuk mengetahui konsep dan teori yang berkaitan dengan kajian ini secara lebih mendalam. Bagi mendapatkan bahan-bahan, pengkaji telah merujuk kepada buku-buku yang terdapat dalam perpustakaan Al-Mukhtar Universiti Sultan Zainal Abidin, UniSZA menggunakan cara kualitatif. Justeru, dalam kajian ini, sebahagian besar data dan maklumat diperoleh melalui sumber kajian lapangan yang mencakupi kepustakaan.

Pemerhatian

Penyelidikan ini menggunakan kaedah pemerhatian bagi memperoleh maklumat tambahan yang sukar diperoleh melalui temu bual atau selidik kerana pemerhatian adalah gambaran langsung oleh pengkaji tanpa perantaraan orang tengah. Dalam kajian ini, pengkaji telah turut serta dalam beberapa program keilmuan dan solat berjemaah di masjid selaku pemerhati kepada keadaan perjalanan aktiviti dakwah. Di samping itu, tinjauan dan pemerhatian juga dilakukan terhadap prasarana, papan kenyataan masjid, yang mana kebanyakan masjid dan surau di UniSZA mempamerkan carta organisasi mereka dan jadual aktiviti dakwah pada papan kenyataan.

³ Mohd Yusof Din, Azhana Abdul Mutalib, Pemantapan Institusi Masjid Wasilah Kearah Kecemerlangan Umat, Selangor: Institut Perkembangan Minda(INMIND), 1997, H.210

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil Dapatan

Dalam bab ini, hasil dapatan yang diperolehi adalah melalui kajian kepustakaan dan pemerhatian. Perbincangan ini adalah tentang hasil dapatan kajian yang berkaitan dengan peranan institusi masjid dan surau dalam menaikkan pelancongan islam di Kuala Terengganu.

Takrif masjid berasal daripada perkataan bahasa arab yang bermaksud tempat sujud iaitu tempat untuk melakukan ibadat-ibadat khusus seperti solat fardhu mahupun solat-solat sunat yang terdiri daripada jemaah yang ramai. Manakala, surau ialah pusat aktiviti umat Islam yang kebiasaannya bergantung kepada masyarakat Islam setempat. Surau tidak mempunyai rupa bentuk yang tetap ,malah boleh jadi sekadar bilik.

Hasil daripada pemerhatian yang dilakukan di Masjid UniSZA ialah:

1. Pelbagai kemudahan infrastruktur⁴ yang disediakan.

Setiap masjid dan surau mempunyai pelbagai kemudahan infrastruktur yang telah disediakan oleh pihak-pihak tertentu untuk kegunaan dan dimanfaatkan oleh para jemaah masjid dan surau ,musafir-musafir dan umat islam yang lain agar dapat melakukan ibadah dengan khusyuk, tenang dan selesa. Setelah melakukan pemerhatian serta menerokai sendiri masjid Universiti Sultan Zainal Abidin ini, pengkaji mendapati masjid ini menyediakan kemudahan-kemudahan yang lengkap supaya para jemaah dapat beribadat dengan sempurna. Antara kemudahan yang disediakan adalah ruang solat yang luas. Masjid UniSZA mempunyai dua aras iaitu aras bawah untuk jemaah lelaki dan wanita, manakala aras atas pula untuk kegunaan jemaah wanita. Oleh sebab itu, masjid ini sentiasa dikunjungi dan tidak mempunyai masalah bagi menunaikan solat jumaat, solat sunat hari raya, solat sunat terawih dan sebagainya. Selain itu, terdapat permaidani yang cantik lagi selesa yang disediakan di dalam ruang masjid ini dan sejadah yang mencukupi. Kemudian, masjid ini juga menyediakan penghawa dingin supaya jemaah berada dalam keadaan yang lebih kondusif. Seterusnya, tempat wudhuk juga sangat luas. Oleh sebab itu, ia memudahkan para jemaah untuk mengambil wudhuk dan tidak berebut-rebut. Tempat meletakkan kenderaan juga sangat luas dan kemudahan tandas yang

⁴ Kemudahan atau perkhidmatan asas untuk membangunkan sesuatu masyarakat.

bersih sangat memudahkan jemaah di situ untuk beribadat. Akhir sekali, terdapat juga kemudahan yang lain seperti pembesar suara untuk kejelasan suara bilal azan dan ketika imam mengimamkan solat, jam automatik yang menunjukkan masuk waktu solat dan banyak lagi.

2. Pusat penyebaran ilmu dan dakwah⁵ islamiyyah⁶. (Pelancongan Ilmu)

Masjid secara umumnya dikenali sebagai suatu tempat peribadatan. Kini, masjid dan surau juga sering dijadikan sebagai pusat penyebaran ilmu dan dakwah islamiah. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat di masjid UniSZA, Kuala Terengganu ini, masjid unisza juga turut memainkan peranan sebagai pusat pelancongan ilmu bagi pelancong-pelancong tempatan mahupun pelancong dari luar negara. Walaupun masjid ini hanyalah masjid dari sebuah universiti, masjid unisza sering menjadi tarikan pelancong. Hal ini demikian kerana masjid unisza bukan sahaja menjadi tempat peribadatan, namun masjid ini sering mengendalikan usrah kepada pelajar, staf unisza dan juga masyarakat luar.

Selain itu, masjid Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) juga komited untuk menganjurkan program ilmiah yang berbentuk turath dan talaqqi seperti dakwah talaqqi kitab yang telah menjadi warisan tamadun islam sejak zaman Rasulullah s.a.w dan terus menjadi kesinambungan sehingga ke generasi kini. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, program ilmiah seperti ini juga turut menarik minat masyarakat untuk menuntut ilmu di sini. Seterusnya kursus, seminar dan bengkel juga turut dijalankan di masjid ini. Akhir sekali, aspek penting dalam penyebaran dakwah Islamiah terhadap masyarakat iaitu khutbah, yang sering diadakan pada solat jumaat dan juga solat sunat hari raya. Namun, ia juga sering dikunjungi oleh pelancong dari luar yang bermusafir di Kuala Terengganu ini.

3. Medium penyatuan antara masyarakat (tempat bermuamalat).

Peranan dan fungsi masjid dan surau di sini tidaklah terhad untuk melakukan pusat kegiatan ilmu seperti daurah dan talaqqi kitab semata-mata namun masjid UniSZA juga sebagai medium penyatuan ummah yang dapat mengukuhkan lagi hubungan silaturahim

⁵ Mengajak umat manusia dengan hikmah dan kebijaksanaan untuk mengikuti petunjuk Allah dan RasulNya.

⁶ Dakwah islamiyyah adalah mengajak orang lain untuk meyakini dan mengamalkan aqidah dan syariaah islamiyyah yang telah diyakini oleh pendakwah sendiri.

sesama umat Islam di sini. Hal ini demikian kerana, terdapat pelbagai aktiviti seperti aktiviti penyembelihan, ceramah, tazkirah, pengajian kitab dan juga banyak program yang telah dijalankan di sini yang melibatkan masyarakat luar. Berdasarkan pemerhatian tersebut, melalui pelbagai program yang sering dilakukan di masjid UniSZA ini dapat menyatukan ummah kerana bukan pelajar-pelajar UniSZA sahaja yang menyertai aktiviti-aktiviti dan program tersebut, tetapi turut disertai oleh masyarakat luar, pelancong tempatan mahupun luar negara yang telah mewujudkan komunikasi yang baik sesama mereka melalui aktiviti yang telah diadakan bersama-sama. Selain itu, jadual aktiviti di masjid UniSZA ini sering dipenuhi oleh pelbagai program yang dapat memberi impak yang besar kepada pihak universiti dan masyarakat luar yang sentiasa mengharapkan program-program sebegini di samping mendapat sambutan daripada semua pihak. Akhir sekali, melalui program-program yang dianjurkan di masjid UniSZA inilah telah dapat mengukuhkan lagi silaturahim antara umat Islam terutamanya pelajar-pelajar, kanak-kanak, golongan belia⁷, golongan warga emas dan sebagainya.

KESIMPULAN

Dalam menghadapi arus globalisasi, institusi masjid memainkan peranan yang amat besar. Institusi masjid dan surau harus bersaing dalam arus yang begitu mencabar dengan institusi lain untuk menawarkan produk sama ada berbentuk barangan atau perkhidmatan. Institusi masjid dan surau juga harus menawarkan sebaik-baik produk dalam bentuk spiritual yang boleh diterima oleh semua golongan masyarakat yang terdedah dengan cabaran globalisasi hari ini. Dengan kata lain, pengurusan masjid dan surau perlu berfikir untuk menjananya secara kreatif dan inovatif⁸ seperti menyediakan buku-buku terjemahan dalam bahasa melayu, melakukan aktiviti dakwah dengan aktiviti yang terkumpul, menyediakan pamflet dan juga menyediakan makanan tradisi Kuala Terengganu seperti keropok lekor. Pengurusan masjid dan surau diharap dapat melalui tahap perubahan yang memberangsangkan ke arah mewujudkan masjid dan surau inovatif.

Pengurusan masjid dan surau perlu menyedari dan menerima hakikat bahawa dalam era globalisasi ini perlu mendepani cabaran ini. Pengurusan yang kekal berada di tahap lama

⁷ Takrifan julat usia adalah berbeza kerana belia tidak ditakrifkan secara kronologi sebagai peringkat yang boleh terikat kepada lingkungan usia tertentu, istilah ini juga kadang-kadang merujuk kepada individu dari umur 14 hingga 21.

⁸ Mencurahkan segala kemampuan diri dalam berfikir untuk menciptakan sesuatu yang baru.

pastinya akan menemui masalah dan menemui kegagalan untuk menarik minat generasi sekarang. Pihak- pihak yang berkaitan seperti agensi kerajaan dan pihak swasta wajar memberi penekanan dalam memeliharanya sebagai khazanah yang berharga untuk negara. Jika masjid dan surau diuruskan dengan baik, sudah tentu pelancong dapat pengalaman dan maklumat yang berkaitan dengan masjid dan surau secara tidak langsung ia akan merungkai tuduhan dan keraguan terhadap umat Islam.

RUJUKAN

Rujukan Buku

- i. Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, (2015), *Kit Mudah: Memperkasakan Pengurusan Masjid*, Diterbitkan Oleh Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd.
- ii. Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (1999). *Peranan, Kurikulum Dan Reka Bentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunann Masyarakat*, Diterbitkan Oleh Universiti Teknologi Malaysia.
- iii. Abdul Munir Ismail. (2012). *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*. Diterbitkan Oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- iv. Mohd Ismail Mustari, Bushrah Basiron, Azhar Muhammad. (2013). *Menginovasi Masjid Mensejahtera Ummah*. Diterbitkan Oleh Utm Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- v. Nasoha saabin. (2001). *Memartabatkan masjid*. Diterbitkan oleh utusan publications & distributors sdn bhd.
- vi. Mohd yusof din, azhana abdul mutalib. (1997). *Pemantapan institusi masjid wasilah kea rah kecemerlangan umat*. Diterbitkan oleh institut perkembangan minda(inmind).
- vii. Mufti Zafeer Uddin Miftahi. (1997). *Mosque in Islam*. Diterbitkan oleh S.Abdul Majeed & Co.
- viii. Prof Dr Ahmad Hidayat Buang. (2010). *Isu-isu Pengurusan dan Pengimarahannya Masjid di Alaf Baru*. Diterbitkan oleh Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri.
- ix. Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (2004). *Hadith and Mosque*. Diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- x. Ahmad Zaki Haji Abd. Latif. (2007). *Pentadbiran Masjid Secara Profesional*. Diterbitkan oleh: Yayasan Islam Hadhari.
- xi. Nasoha Sa'ab. (2001). *Memartabatkan Masjid*. Diterbitkan oleh: Utusan Publication Kuala Lumpur.

Rujukan Laman Web

- i. https://www.researchgate.net/publication/318672085_Masjid_Mengendalikan_Penginapan_Pilihan_Alternatif_Kepada_Industri_Pelancongan
- ii. https://www.academia.edu/35924525/Pendekatan_Imarah_Masjid_Melalui_Medium_Pelancongan_Enliven_Mosque_Function_Through_To_Urism_Medium
- iii. [http://studentsrepo.um.edu.my/5143/4/\(4\)_Full_Tesis_-_Ok.Pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5143/4/(4)_Full_Tesis_-_Ok.Pdf)
- iv. https://www.academia.edu/25079901/Fungsi_Masjid_Dahulu_Dan_Kini
- v. <http://pusatislam.usm.my/index.php/aktiviti/artikel/283-pengimarahannya-masjid-kefahaman-dan-tuntutannya>